

Headline	RM100j naik taraf pencawang		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	18 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm ²
Journalist	Maria Uffa Zulkafeli	AdValue	RM 9,069
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,206



RM100j naik taraf pencawang

» *Manfaat lebih
600,000 pengguna
di Kedah*

Oleh Maria Uffa Zulkafeli
bhnews@mediaprima.com.my

► Alor Setar

Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kedah memperuntukkan kira-kira RM100 juta bagi melaksanakan kerja naik taraf dan membina Pencawang Pembahagian Utama (PPU) untuk manfaat lebih 600,000 pengguna di Kedah sepanjang tahun ini.

Pengurus Besar Bahagian Pembahagian TNB Kedah, Suid Othman, berkata peruntukan itu bagi membiayai kerja naik taraf dan pembinaan empat PPU iaitu di Mergong, Langkawi, Sungai Petani dan Jitra.

Katanya, buat masa ini, projek pembinaan PPU di Kampung Batin, Mergong yang menelan belanja RM19.1 juta sedang dilaksanakan dan dijangka siap di antara Julai hingga Ogos depan.

Tampung keperluan pengguna "PPU di Kampung Batin nanti dijangka dapat menampung keper-

luan penggunaan elektrik 20,000 pengguna di Mergong, Alor Setar, Kuala Kedah dan sekitarnya.

"Di samping itu, beberapa projek menaik taraf PPU, termasuk di Jerlun, Kuala Nerang dan Sungai Tiang akan dilaksanakan dan ia dijangka dapat mempercepatkan penyuluran elektrik ke kawasan terbabit," katanya selepas majlis kesyukuran projek Baiti Jannati TNB peringkat negeri 2013 di Kampung Mempelam, di sini, kelmarin.

Hadir merasmikan majlis itu dan menyampaikan kunci rumah kepada penerima projek Baiti Jannati, Shaharom Saad, 62 ialah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Bata, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Sementara itu, Shaharom berbuka, beliau amat bersyukur dan berterima kasih kepada TNB yang bertungkus-lumus menyiapkan rumah baru untuknya dan keluarga yang siap dalam tempoh sebulan selepas mula dibina April lalu dengan kos RM35,000.

Pembinaan rumah berkenaan yang dimulakan April lalu siap dalam tempoh sebulan.

Ibu tunggal itu berkata, sebelum ini, beliau bersama anak, menan-

tu dan empat cucunya terpaksa

tinggal di rumah yang sudah reput dimakan anai-anai kerana kesemitan wang untuk melakukan kerja baik pulih.

"Selepas kematian suami 16 tahun lalu, saya hanya menjual kuih untuk membesar anak dan upah RM20 sehari yang diperoleh tidak cukup untuk membaiki kerosakan rumah. Jadi, kami terpaksa juga tinggal di sini

dalam keadaan serba kekurangan sehingga TNB datang membantu menyediakan rumah baru," katanya.

Sejak 2008, sebanyak 10 rumah dibina menerusi projek berkenaan membabitkan perbelanjaan RM260,000, termasuk lima kediaman yang sudah dibina dalam tahun ini, antaranya di Mergong, Baling, Jitra, Yan dan Sik.

Headline	RM100j naik taraf pencawang		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	18 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	231,163
Page No	N4	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	405 cm ²
Journalist	Maria Uffa Zulkafeli	AdValue	RM 9,069
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,206

*PPU di Kampung
Batin nanti dijangka
dapat menampung
keperluan penggunaan
elektrik 20,000
pengguna di Mergong,
Alor Setar, Kuala
Kedah dan sekitarnya”*

Suid Othman,
Pengurus Besar Bahagian
Pembahagian TNB Kedah



Suid (kanan) beramah mesra bersama penerima bantuan Baiti Jannati pada majlis penyempurnaan Projek Baiti Jannati 2013 di Kampung Kota Mengkuang, Mukim Wang Tepus.

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM / BH]